

20 NOV 2000

LID-MALARIA

RUMUSKAN PROGRAM BAGI BASMI MALARIA, KATA DR SITI HASMAH

LANGKAWI, 19 Nov (Bernama) -- Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pengendali bersama Kumpulan Isu Sosial Dialog Antarabangsa Langkawi (LID 2000) meminta supaya dirumuskan program-program strategik untuk mengawasi wabak malaria yang kini berleluasa semula.

Malaria penyakit pembunuh di beberapa bahagian dunia, kini berleluasa di benua Afrika, kata Dr Siti Hasmah, isteri kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum ini, malaria dibanteras melalui penggunaan ubat DDT tetapi bahan itu itu kini telah diharamkan, kata Dr Siti Hasmah di majlis makan malam perasmian LID 2000 di sini, malam ini.

Sebelum itu dalam sesi hari ini, beliau berkata kematian kanak-kanak kerana malaria telah meningkat sejak DDT diharamkan.

Beliau berkata, Malaysia bernasib baik kerana program kerajaan untuk membasmi penyakit itu menggunakan DDT sampai ke peringkat terakhir sebelum bahan kimia anti malaria itu diharamkan kerana kesan buruknya terhadap alam sekitar.

-- BERNAMA

MK YBY PR